

13/03/1997

PM rasmi Bandar MEC bernilai RM4b

Hatipah Ahmad

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan sebuah projek Taman Perindustrian baru di Gambang, Kuantan bernilai RM4 bilion pada 17 Mac ini.

Taman perindustrian baru seluas 1,200 hektar yang akan dikenali Bandar MEC itu akan memberi fokus kepada perkembangan industri pengeluaran peralatan elektrik buatan tempatan dan penubuhan syarikat atau kilang berkaitan dengannya.

Projek Bandar MEC itu dimiliki dan dimajukan oleh Malaysia Electric Corporation Bhd, anak syarikat milik penuh Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH).

Bandar perindustrian yang diilhamkan oleh Dr Mahathir dijangka memperlihatkan usaha kerajaan menuju era pembangunan perindustrian baru selaras membentuk identiti Malaysia dan barangan buatan tempatan.

Bandar MEC itu juga menempatkan kilang pengeluaran pendingin hawa dan peti sejuk dan ia berjaya dibina dalam tempoh tiga bulan oleh pemaju projek MEC Industrial Park Sdn Bhd.

Bandar itu yang berkonsep pembangunan bersepadu dijangka dapat mengubah pekan Gambang kepada bandar barangan elektrik Malaysia.

Taman Perindustrian itu akan mengandungi pembinaan zon perusahaan MEC, industri perkhidmatan sokongan, penyelidikan dan pembangunan, pusat latihan, zon penempatan dan sosial, pusat komersil dan zon rekreasi serta taman. Zon Perusahaan MEC seluas 200 hektar itu akan menempatkan 20 kilang utama dan Ibupejabat Korporat MEC.

MEC sebelum ini dikenali Superior Products Incorporated dan ia merintis jalan ke arah pengeluaran barangan elektrik dan peralatan rumah di negara ini, kira-kira 20 tahun lalu.

Namanya ditukar kepada MEC kerana ia memperlihatkan komitmen syarikat untuk membangunkan jenama tempatan.

Antara barangan elektrik keluaran MEC ialah peti sejuk bebas klorofloro-karbon (CFC), pendingin hawa, periuk nasi elektrik, set televisyen dan peralatan hi-fi.

(END)